

26/10/2002

Air: Tindakan terhadap Singapura dikaji

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan mengkaji dari segi undang-undang berhubung tindakan yang perlu diambil jika rundingan semakan harga air dengan Singapura terus buntu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan Malaysia berhak berbuat demikian, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, penjualan air mentah kepada Singapura pada harga sekarang hanya merugikan negara.

"Kita akan kaji dari segi undang-undang apa yang perlu kita dibuat. Sekarang ini kita rugi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, petang ini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, bahawa Malaysia boleh mewujudkan akta bekalan airnya sendiri yang membatalkan semua perjanjian atau kontrak dengan Singapura jika rundingan semakan harga air terus buntu.

Ditanya apakah Malaysia boleh bertindak sedemikian, Dr Mahathir berkata negara mempunyai hak untuk menentukan naik turunnya harga air mentah yang dijual kepada Singapura dan menegaskan Malaysia tidak pernah membangkitkan kemungkinan menghentikan bekalan air mentah ke republik itu.

Perdana Menteri juga sekali lagi mengingatkan republik itu bahawa air mentah yang dibekalkan Malaysia adalah untuk keperluan harian saja walaupun negara memberi jaminan akan terus membekalkan air mentah kepada Singapura mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962.

"Kita beri jaminan untuk bekalkan air kepada mereka tetapi bukanlah untuk kegunaan komersial," katanya merujuk tindakan Singapura menjual air kepada kapal pada harga S\$20 sedangkan republik itu membelinya pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Mengenai penafian Singapura bahawa ia membuat tawaran harga 12 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah yang dibelinya, Dr Mahathir berkata perkara itu dinyatakan pada mesyuarat peringkat pegawai kanan di Johor Bahru minggu lalu.

"Kita sudah membuat tawaran kepada mereka dan saya difahamkan mereka menyebut 12 sen. Mereka kata cadangan mereka sebelum ini tidak diterima oleh kita. Itu yang saya faham, perbincangan di antara pegawai," katanya.